

KONVOI KMJG 2019 disambut oleh penduduk tempatan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tanjung Kota Bharu.



# Kibar Jalur Gemilang buktikan patriotisme

**A**MANAH yang dibawa oleh semua peserta termasuk penunggang motosikal Goldwing cukup besar dalam kembara kali ini. Ia selari dengan objektif KMJG 2019 iaitu meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara, menggalakkan penyertaan golongan muda dalam program anjuran kerajaan serta menghayati semangat Rukun Negara yang merupakan tonggak perpaduan dan toleransi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Justeru, sejak hari pertama setiap motosikal dan kenderaan pacuan empat roda peserta akan dihiasi Jalur Gemilang.

Kita berharap apabila bergerak di jalan raya, penunggang dan pemandu lain akan turut teruja dan sama-sama mengibarkan Jalur Gemilang pada kenderaan masing-masing.

Semasa menyampaikan ceramah ringkas kemerdekaan di *pit-stop*, penulis sentiasa menekankan erti pengorbanan dalam sebuah negara yang merdeka.

Sesuai dengan tema *Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih*, penulis menekankan pengorbanan peminpin terdahulu dan perajurit yang bergadai nyawa bagi memastikan kemerdekaan negara dicapai.

Sebab itu Malaysia Bersih bukan sahaja dilihat sebagai Malaysia Baharu tetapi juga sebagai satu manifestasi sebuah negara bangsa yang mendukung pentadbiran yang adil, beretika dan selaras dengan semangat Rukun Negara.

Ika perajurit sanggup bergadai nyawa bagi memastikan kemakmuran negara, apalah sangat dengan panas terik dan hujan yang terpaksa ditempuhi oleh



PENULIS (tengah) bersama beberapa rakan yang menyertai KMJG 2019.

peserta konvoi KMJG 2019 selama sebulan menunggang motosikal. Bagi kami sebagai peserta, Jalur Gemilang merupakan panji-panji negara yang mesti dihormati.

Penulis menggunakan perumpamaan Jalur Gemilang ibarat panji-panji yang dikibarkan bagi menaikkan semangat perajurit ketika peperangan.

Mengambil contoh sahabat-sahabat Rasulullah yang sanggup bergadai nyawa membawa panji-panji Islam dalam perang Uhud dan Mut'ah, inilah semangat membara yang dibawa bersama peserta konvoi.

Mereka meninggalkan anak cucu, isteri dan keluarga.

Meninggalkan tugas dan mengambil cuti semata-mata untuk menjayakan program KMJG 2019.

Memang pengorbanan ini tidaklah sehebat Mat Kilau, Tok Bahaman, Tok Janggut, Kanang Anak Langkau dan tokoh-tokoh tersohor mempertahankan kedaulatan negara.

Tetapi dengan sedikit pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit ini, setidaknya terpacat di hati kami para peserta konvoi erti pengorbanan dalam sebuah kemerdekaan.

Untuk makluman, penunggang motosikal yang terlibat dalam KMJG 2019 tidak menggunakan sedikitpun peruntukan daripada kerajaan.

Hampir semua perbelanjaan ditaja oleh penyumbang yang terdiri daripada syarikat pemotoran, syarikat minyak, hotel dan lain-lain. Inisiatif dilaksana secara gijih oleh Tunku Hassan dan Timbalan Presiden Kelab Pemotoran J17, Bohanuldin Ambok Antak, bagi mendapatkan sumbangan dana daripada swasta.

Seperti yang diucapkan oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, **Hashim Bedu**, KMJG 2019 merupakan wadah mewujudkan semangat patriotik dan semarak mengibarkan Jalur Gemilang dalam kalangan rakyat.

Sama sama kita semarakkan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-62 dengan mengibarkan Jalur Gemilang, Jumpa di Dataran Putrajaya pada 11 Ogos ini.

**PROF. DATUK DR. MOHD EKHWAN TORIMAN** ialah pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia.